

## **Upacara Perasmian Sambutan Jubli Perak Kementerian Sains, Teknologi Dan Alam Sekitar**

Pusat Dagangan Dunia Putra, Kuala Lumpur 2 Julai 2001

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri dan Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar kerana menjemput saya untuk merasmikan Majlis Sambutan Jubli Perak Kementerian Sains pagi ini.

2. Peranan Kementerian ini kini menjadi semakin penting di alaf baru ini memandangkan bidang sains dan teknologi adalah pemangkin pembangunan negara. Demikian juga kesedaran akan pentingnya keadaan alam sekitar bagi kehidupan manusia. Sambutan Jubli Perak ini adalah tepat pada waktunya untuk kita mengimbas kembali kejayaan-kejayaan yang telah dicapai untuk membantu kita mempertingkatkan lagi usaha ke arah pencapaian wawasan negara.

3. Sumbangan sains dan teknologi ke arah perkembangan ekonomi tidak dapat dipertikaikan. Bangsa yang maju dalam bidang sains dan teknologi ialah bangsa yang bersifat ingin tahu atau 'curiosity' dan tidak ortodoks dan tradisional, iaitu tidak terikat dengan cara-cara lama sehingga tidak sanggup menerima cara-cara baru dalam membuat atau menangani sesuatu. Masyarakat tidak mungkin bergerak ke hadapan jika kita hanya mengulangi apa yang telah diamalkan oleh nenek moyang kita. Sebaliknya masyarakat yang ingin tahu dan ingin cuba yang baru akan sentiasa memeriksa dengan halus apa sahaja yang sedang dibuat untuk mencari jalan supaya bahan atau cara membuat sesuatu dapat diperbaiki lagi dan hasil yang lebih baik diperolehi.

4. Kemajuan bangsa yang maju berpunca kepada penyelidikan yang tidak berhenti-henti akan bahan atau cara sesuatu dilakukan untuk mendapat pengetahuan yang lebih mendalam. Daripada pengetahuan ini cara-cara baru yang lebih baik dan lebih produktif dapat dicipta. Cara yang baru ini terus diperbaharui sepanjang masa supaya menjadi lebih baik lagi atau lebih produktif lagi.

5. Demikian kain yang dipakai oleh manusia bermula dengan kulit binatang atau kulit kayu. Tetapi manusia yang berakal memikir berkenaan dengan anyaman benang yang diperbuat daripada jenis-jenis tumbuhan. Ini diikuti dengan menenun dengan menggunakan alat yang agak primitif. Kemudian kapas dipintal sehingga menjadi benang dan ditenun menjadi kain. Kemudian proses tenunan yang lebih canggih dicipta supaya kain kapas dapat ditenun dengan lebih cepat. Mesin tenun ditingkatkan kecanggihannya sepanjang masa supaya tenunan kain menjadi lebih cepat dan lebih berkualiti lagi. Bahan-bahan

lain diguna untuk menambahkan jenis, warna dan `design'. Ini menjadi penting kerana masyarakat manusia bertambah dengan banyaknya dan cara pengeluaran yang lebih besar perlu dicipta. Tanpa ciptaan cara-cara `mass production' maka keperluan masyarakat tidak dapat dipenuhi.

6. Hari ini kita tidak fikir lagi tentang bekalan kain untuk kita. Bermacam-macam jenis kain dengan berwarna-warni dapat kita beli di kedai-kedai seberapa banyak yang kita kehendaki dengan harga yang murah. Tetapi kita harus ingat bahawa kemudahan ini bermula dengan cara yang begitu primitif. Orang yang suka mengkaji dan meneliti untuk mendapat ilmu pengetahuan dan kemudian mencipta cara-cara baru untuk mengeluarkan barangan yang semakin diperlukan oleh masyarakat manusia yang bertambah adalah orang yang kian maju dan berjaya serta kehidupan mereka menjadi lebih selesa. Sebaliknya masyarakat manusia yang terlalu kuat berpegang kepada cara-cara dan barangan lama akan menjadi mundur dan miskin.

7. Demikian juga dalam bidang telekomunikasi. Daripada hanya berkebolehan bercakap dengan jarak yang dekat sahaja, hari ini kita boleh berhubung dengan seorang di sebelah sana dunia, 12,000 batu, seolah-olah ia berada di hadapan kita. Pertumbuhan kecanggihan dalam bidang telekomunikasi amat mengagumkan dan ianya masih dimajukan lagi sehingga jarak seberapa jauh pun tidak menjadi masalah untuk kita berhubung, bercakap dan melihat rakan kita atau apa-apa juga.

8. Semua ini adalah hasil daripada budaya yang menekankan ilmu pengetahuan, `curiosity' atau sifat ingin tahu, dan sikap tidak puas hati dengan apa yang sedia ada tetapi sebaliknya ingin memperbaiki lagi apa sahaja barangan atau kemudahan yang sedang digunakan. Bangsa yang mempunyai sikap dan budaya ini, yang suka memeriksa dan mengkaji semua kurniaan Tuhan, bangsa ini tetap akan maju. Justeru itu, kita bangsa Malaysia mestilah menerap budaya ini supaya kita juga akan maju dan tidak hanya bergantung kepada hasil penyelidikan dan ciptaan orang lain.

9. Saya amat berbangga dengan kejayaan rakyat Malaysia merekacipta berbagai-bagai jenis alatan dan barangan yang telah pun memenangi anugerah kecemerlangan dalam pertandingan Geneva International Inventions Exhibition. Saya yakin jika sikap ingin tahu dan kesanggupan untuk memperbaiki lagi tiap sesuatu yang ada pada kita, atau mencipta barangan atau alat yang baru, bangsa Malaysia tidak akan ketinggalan dalam bidang merekacipta barangan dan khidmat yang baru dan canggih yang akan menjadikan kehidupan kita lebih selesa dan bahagia. Saya yakin kebolehan rakyat Malaysia merekacipta akan meningkat sepanjang masa dan kita juga akan dapat menyumbang kepada jumlah kecanggihan yang diperlihatkan di dunia.

10. Hari ini `research' dan `development' atau penyelidikan dan pembangunan berjalan dengan lebih pesat dari dahulu. Kadang-kadang kita dapati sesuatu yang baru akan menjadi usang dalam jangka masa yang pendek sahaja. `Shelf-life' sesuatu ciptaan baru mungkin hanya beberapa bulan sahaja. Justeru itu, kita tidak boleh berhenti kajian dan ciptaan yang dibuat oleh kita kerana produk kita mungkin menjadi usang dalam jangka masa yang pendek dan tidak diterima lagi. Kita tidak harus kecewa dengan ini tetapi sebaliknya kita hendaklah menganggap ini sebagai cabaran dan kita mempertingkatkan lagi proses penyelidikan dan pembangunan yang kita buat.

11. Kerajaan amat menghargai kesanggupan rakyat Malaysia mencipta barangan-barangan yang lebih canggih sepanjang masa. Bantuan dalam bidang `research' dan `development' sudah pun diadakan. Mereka yang berminat dan menunjukkan kebolehan mereka akan dibantu oleh Kerajaan. Yang harus diingat ialah kecekapan merekacipta sesuatu tidak bermakna kita memiliki kecekapan untuk memasarkan hasil rekacipta kita. `Commercialisation' memerlukan kecekapan dalam bidang lain, iaitu bidang pengurusan perniagaan. Justeru itu, perekacipta atau `inventors' hendaklah cuba mencari pihak yang berkebolehan dalam bidang perusahaan dan pemasaran. Kita tahu hari ini banyaklah hasil penyelidikan yang dibuat oleh rakyat Malaysia dan institusi-institusi seperti MARDI umpamanya yang tidak dapat dipasarkan. Tetapi ini tidak harus mengecewakan kita. Sebaliknya usaha perlu diteruskan untuk memperbaiki lagi hasil rekacipta kita.

12. Satu lagi perkara yang menjadi amat penting bagi kesejahteraan hidup manusia ialah kebersihan alam sekitar. Di waktu penduduk setempat tidak ramai, pencemaran yang dibuat oleh bilangan yang kecil ini tidak menimbulkan banyak masalah. Tetapi hari ini penduduk sudah bertambah di seluruh dunia sehingga sedikit pencemaran oleh tiap seorang akan menjadi masalah yang besar kepada masyarakat. Demikian daripada sedikit sampah yang dibuang oleh seseorang anggota masyarakat, beribu tan sampah mencemarkan alam sekeliling kita. Perbelanjaan yang banyak diperlukan untuk menangani sampah-sarap yang dihasilkan daripada segala kegiatan harian masyarakat bandar umpamanya. Masyarakat yang tidak berusaha mengurangkan sampah yang dihasilkan akan menghadapi masalah besar daripada persekitaran yang bukan sahaja tidak selesa tetapi juga tidak sihat.

13. Pengekalan alam sekitar yang semulajadi, terutama pokok-pokok hutan menjadi cabaran kepada masyarakat manusia. Sementara pertambahan yang tinggi bilangan anggota masyarakat memerlukan kawasan perumahan, perusahaan dan perniagaan yang lebih luas, kawasan-kawasan dengan pertumbuhan sedia ada seperti hutan perlu dikekalkan. Jika kita ingin alam sekitar

semulajadi dikekalkan dan tidak terus dimusnahkan, pengurusan pembangunan untuk masyarakat yang kian membesar mestilah diurus dengan bijak. Jika tidak kita akan hilang sama sekali hutan dan 'biodiversity' kita buat selama-lamanya.

14. Dalam pada itu segala pencemaran perlu diawasi dan ditangani supaya kualiti alam tidak menjadi terlalu buruk sehingga menjadi kehidupan kita tidak sihat. Demikian pelupusan sampah perlu dibuat dengan berhati-hati. Membakar sampah secara terbuka tetap akan mencemarkan udara dan mengganggu kesihatan dan kualiti hidup kita.

15. Malaysia adalah negara membangun yang terawal menubuhkan Kementerian Alam Sekitar. Dua puluh lima tahun dahulu semasa alam sekitar tidak begitu diutamakan di negara-negara membangun kita sudah pun sedar akan pentingnya pemeliharaan alam sekitar. Kualiti hidup telah pun diberi keutamaan oleh Kerajaan dan peruntukan yang semakin bertambah telah dibuat. Namun kita sering dituduh tidak prihatin akan keadaan alam sekeliling kita. Sebenarnya kita begitu sedar akan masalah persekitaran sehingga kita mengawal hutan kita dengan rapi.

16. Hutan adalah punca kekayaan bagi negara kita. Dan kita bukanlah negara yang kaya. Kita perlu mengeluarkan hasil hutan terutama balak untuk membangunkan ekonomi negara kita dan juga untuk ruang bagi penduduk negara kita yang semakin bertambah. Kita juga perlu kawasan hutan untuk takungan air bagi menjana kuasa elektrik dan untuk pertanian. Kita tidak boleh ikut desakan orang asing terutama NGO mereka yang mahukan kita kekalkan hutan kita sebagai 'carbon sink' mereka, untuk menyerap karbon dioksida yang dikeluarkan dengan banyaknya oleh mereka, tanpa mengambilkira keperluan kehidupan rakyat kita. Sementara kita perlu menyelamatkan hutan kita, hasil dari hutan hendaklah kita keluarkan dengan cermat di samping kawasan yang berpatutan dibersihkan untuk keperluan hidup kita.

17. Kita berhak mendapat hasil dari hutan kita secara yang tersusun. Sementara negara yang kaya telah memusnahkan hutan mereka, adalah tidak adil bagi mereka memaksa kita mengurangkan pendapatan kita supaya kehidupan mereka menjadi selesa. Rakyat Malaysia dan NGO Malaysia janganlah terbawa-bawa dengan kononnya keprihatinan terhadap alam sekitar sehingga memaksa kita mengorbankan kepentingan ekonomi kita untuk kesejahteraan hidup orang yang sudah kaya.

18. Hari ini hutan kita adalah antara hutan-hutan yang tertua dalam dunia dan mempunyai banyak potensi untuk industri berasas kepada 'genome' tumbuh-tumbuhan dan kehidupan lain yang berada dalam hutan kita. Potensi untuk industri berasas kepada 'genome' amatlah besar dan boleh menghasilkan kekayaan

bagi negara kita. Untuk ini kita perlu kawal kekayaan hutan kita supaya tidak ada sesiapa yang membawa keluar tumbuh-tumbuhan dan kehidupan lain dari hutan kita untuk dibuat kajian bagi mendapatkan hasil yang lumayan bagi mereka. Sebaliknya kita perlu bekerjasama dengan penyelidik dari negara lain untuk mengutip dan menyimpan segala data dan 'sample' berkenaan dengan 'genome' yang terdapat di negara kita. Saya yakin dengan kekayaan jumlah 'genome' kita, banyakkah industri bioteknologi akan dapat dihasilkan.

19. Sebab itu Kerajaan telah bersetuju untuk mengadakan Lembah Biotek dalam Koridor Raya Multimedia (MSC). Ia akan dapat menaikkan lagi potensi pembangunan MSC. Usaha akan dibuat untuk mengumpul data dan menyusunnya supaya kaji selidik dapat dibuat berkenaan 'genome' yang boleh menghasilkan berbagai-bagai jenis perubatan dan sebagainya. Adalah diharapkan para saintis Malaysia akan melibatkan diri secara serius dalam bidang bioteknologi yang dipercayai boleh menyumbang kepada pembangunan industri yang canggih yang akan membantu pertumbuhan ekonomi negara.

20. Daripada apa yang telah saya sebutkan adalah jelas bahawa Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar akan memainkan peranan yang semakin penting dalam pembangunan negara kita. Pegawai-pegawai Kementerian hendaklah memiliki sikap yang positif terhadap tugas dan tanggungjawab mereka. Mereka perlu memberi kerjasama yang erat kepada saintis-saintis kita, terutama mereka yang membuat kajian dan cuba mencipta sesuatu yang berguna hasil daripada kajian mereka.

21. Kementerian telah diberi tugas mengurus dana untuk membuat kajian dan pembangunan dan pegawai-pegawai Kementerian perlu bersikap positif terhadap permohonan daripada saintis yang membuat kajian dan pembangunan. Memang pun sukar untuk menilai ide dan tujuan kajian yang hendak dibuat. Mungkin kebanyakan daripada kajian ini tidak akan membawa apa-apa hasil. Mungkin peruntukan ternampak sebagai satu pembaziran. Tetapi amatlah sukar untuk penyelidik menerangkan kajian yang ingin dibuat olehnya dan hasil yang diharapkan. Saya percaya kebanyakan daripada kajian tidak akan mendatangkan apa-apa hasil. Tetapi apabila terdapat kajian yang mendatangkan hasil yang baik, pulangan daripada sumbangan wang daripada dana amatlah besar. Justeru itu dana untuk kaji selidik dan pembangunan hendaklah diurus dengan lebih bersimpati kepada saintis-saintis yang melakukan penyelidikan.

22. Saya telah menggariskan secara ringkas tanggungjawab dan peranan Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar sejak penubuhannya 25 tahun yang lalu dan sebahagian daripada faktor-faktor utama yang kritikal untuk negara ini terus maju dalam ekonomi yang berasaskan pengetahuan. Faktor-faktor ini

merangkumi pembangunan sumber manusia, menggalakkan inovasi, sensitif kepada keperluan masyarakat dan pemeliharaan serta perlindungan alam sekitar. Kejayaan kita akan memperkukuhkan lagi pembangunan negara dalam menghadapi cabaran masa hadapan. Tidak ada rumusan ajaib untuk berjaya kecuali menghadapi cabaran-cabaran ini dengan keyakinan tinggi bahawa kita boleh melaksanakannya. Saya penuh yakin Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar akan terus menyumbang ke arah menjadikan Malaysia sebuah pusat kecemerlangan sains dan teknologi di samping mempunyai alam sekitar yang bersih, selamat, indah dan produktif sesuai dengan aspirasi Wawasan 2020.

23. Dengan ini, saya dengan sukacitanya merasmikan Majlis Sambutan Jubli Perak Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar.